



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

IKLAN JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia dan rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang berkelayakan adalah dipelawa memohon bagi mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perbandaran Taiping

CARA-CARA MEMOHON

- Syarat-syarat kelayakan dan maklumat lanjut boleh diperolehi melalui laman web rasmi Majlis Perbandaran Taiping di www.mptaiping.gov.my atau Portal Perak Digital Kerajaan Negeri Perak di <https://digital.perak.my/>
- Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian (*online*) sahaja dengan mengisi maklumat yang diperlukan melalui Portal Perak Digital Kerajaan Negeri Perak di <https://digital.perak.my/>.
- Hanya permohonan di dalam tempoh iklan (7 Januari 2026 hingga 20 Januari 2026) sahaja akan diproses.

**TARIKH MULA
PERMOHONAN :**
7 JANUARI 2026

**TARIKH TUTUP
PERMOHONAN :**
20 JANUARI 2026
(11.59 MALAM)

JAWATAN

- **ARKITEK GRED J9**
KONTRAK/TETAP
- **PEGAWAI TADBIR GRED N9**
KONTRAK/TETAP
- **PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U9**
KONTRAK/TETAP
- **JURUTERA GRED J9**
KONTRAK/TETAP
- **PEGAWAI PENILAIAN GRED W9**
KONTRAK/TETAP
- **PEGAWAI VETERINAR GRED GV9**
KONTRAK/TETAP
- **PEMBANTU KHIDMAT AM GRED HI**
KONTRAK/TETAP

SEBARANG PERTANYAAN :

☎ 05-8080777 (Ext : 2202/2204)

📍 Bahagian Sumber Manusia,
Jabatan Khidmat Pengurusan

✉ hr@mptaiping.gov.my



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

JAWATAN UNTUK DIISI

A. Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun dan KEUTAMAAN diberikan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang berkelayakan sahaja bagi mengisi jawatan kosong di Majlis Perbandaran Taiping seperti berikut :-

1. JAWATAN : **PEGAWAI VETERINAR GRED GV9**
(Kontrak/Tetap)

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERTANIAN (G)

JADUAL GAJI	:	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KENAIKAN GAJI
		RM2,250.00	RM11,110.00	RM225.00

SYARAT LANTIKAN

1.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) (i) Ijazah Sarjana Muda Veterinar atau Ijazah Sarjana Muda Sains Veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- (ii) Berdaftar di bawah subseksyen 12(1) Akta Doktor Veterinar 1974 (Akta 147) selaras dengan senarai kelayakan-kelayakan di Bahagian I Jadual Kedua.
[Gaji permulaan ialah pada Gred GV9: RM2,910.00]

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

1.2 Calon bagi lantikan **hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

1.3 Pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Veterinar/Penolong Pegawai Veterinar adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke Pegawai Veterinar Gred GV9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 5.1 (a) (i) (ii); atau
- (ii) mempunyai kelayakan yang disenaraikan di bawah Bahagian II Jadual Kedua Akta Doktor Veterinar 1974 (Akta 147) yang diiktiraf setaraf dengan ijazah am oleh Kerajaan dan lulus Peperiksaan Khas anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia dan Majlis Veterinar Malaysia.

(b) had umur pelantikan :

- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

CATATAN AM

- (a) Pihak Majlis berhak menentukan asas-asas tapisan dalam menyenarai pendek calon calon yang layak dipanggil untuk sesi ujian/ temu duga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup permohonan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Calon perlu memuat naik **IJAZAH, SIJIL PELAJARAN MALAYSIA/SIJIL VOKASIONAL MALAYSIA dan SIJIL-SIJIL BERKAITAN** bagi dokumen tambahan dalam permohonan jawatan yang berkaitan.